

12/09/2003

`Media asing tiada etika'

SHAH ALAM: Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin meminta media asing menghormati pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila enggan ditemubual atau mengeluarkan kenyataan.

"Mereka tidak menghormati kebebasan dan mahu mentafsir demokrasi mengikut standard dan norma mereka. Mengikut etika kewartawanan sebenar, perbuatan itu adalah salah.

"Sebelum ini, tidak ada mana-mana majalah atau surat khabar yang menghantar surat ugutan jika enggan ditemubual, malah perbuatan itu menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat.

"Mereka tidak berhak memburuk-burukkan pemimpin dan cara mereka itu melampau dan tidak dipraktikkan di negara demokrasi seperti kita kerana rakyat negara ini lebih mengenali Dr Mahathir," katanya selepas merasmikan Festival Filem Pelajar Malaysia 2003, di Universiti Teknologi Mara (UiTM), semalam.

Festival anjuran UiTM dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) itu bertujuan mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada karyawan muda dalam bidang perfileman.

Sebanyak 10 institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTS) menyertai festival yang julung kali diadakan selama tiga hari berakhir 14 September ini bagi mempertandingkan 12 kategori dan tiga Anugerah Khas Juri.

Zainuddin berkata demikian ketika diminta mengulas ugutan majalah BusinessWeek kepada Dr Mahathir yang mahu menyiarkan rencana memburuk-burukkan beliau apabila enggan ditemubual.